

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

CHUBB®

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans untuk perniagaan dan harta anda berdasarkan pelbagai seksyen yang tersedia. Insurans Kebakaran adalah seksyen wajib/mandatori, dengan 9 seksyen pilihan lain, iaitu Kerugian Turutan, Semua Risiko, Pecah Masuk, Wang, Kaca Plat, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan, Jaminan Kesetiaan dan Kemalangan Diri Kumpulan.

Polisi ini boleh berupa Polisi Pengguna atau Polisi Bukan Pengguna. Polisi Insurans Pengguna bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuannya sendiri yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Perlindungan yang disediakan di bawah seksyen berkenaan adalah seperti berikut:-

- Seksyen Kebakaran - Kerugian atau kerosakan harta anda akibat kebakaran atau kilat, bersama-sama dengan peril tambahan pilihan seperti;
 - Kerosakan Pesawat
 - Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi
 - Ribut, Ribut Kencang
 - Banjir
 - Letupan
 - Kerosakan Hentaman
 - Pecah atau Limpahan Peralatan Tangki Air atau Paip
 - Semak/Lalang
 - Penenggelaman & Tanah Runtuh
 - Pembakaran Spontan
 - Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Niat Jahat
 - Kerosakan disebabkan oleh Pokok Tumbang atau Ranting Patah dan Objek daripadanya
- Kerugian Turutan - melindungi kehilangan keuntungan akibat pengurangan perolehan dan/atau peningkatan kos kerja yang disebabkan oleh kebakaran atau kilat, atau apa-apa peril tambahan yang dilindungi di bawah seksyen Kebakaran.
- Semua Risiko - kerugian atau kerosakan pada peralatan, kilang dan mesin anda akibat kebakaran, kecurian atau apa-apa kemalangan atau musibah lain melainkan dikecualikan secara khusus di bawah seksyen ini.
- Pecah Masuk - Kerugian atau kerosakan pada harta diinsuranskan semasa ia berada di dalam premis anda akibat Pecah Masuk atau apa-apa percubaan melakukannya. Seksyen ini juga dilanjutkan untuk melindungi kerugian yang disebabkan oleh Rompak /Samun Bersenjata.
- Wang
 - Di bawah Wang dalam Transit, melindungi wang anda dalam apa jua cara semasa dalam transit dengan memberi kuasa kepada penghantar/pekerja untuk berulang-alik di antara premis Pengambil Insurans dengan bank dan/atau tapak kontrak atau yang lain.
 - Di bawah Wang dalam Premis, melindungi kehilangan wang dari peti besi berkunci atau bilik kebal atau akibat disamun semasa di dalam Premis.

- Kaca Plat - melindungi kaca plat yang pecah disebabkan oleh retak yang memanjang ke seluruh ketebalan kaca akibat daripada kemalangan atau musibah yang tidak dikecualikan dengan cara lain.
- Liabiliti Awam - melindungi liabiliti undang-undang anda bagi Kecederaan Badan Bodily Injury by Akibat Kemalangan atau Kerosakan Akibat Kemalangan pada harta pihak ketiga yang berlaku semasa Tempoh perlindungan dan semasa menjalankan Perniagaan anda di dalam Had Wilayah.
- Liabiliti Majikan - melindungi liabiliti anda di sisi undang-undang untuk ganti rugi, kos pihak menuntut dan perbelanjaan berkenaan dengan Kecederaan Badan akibat Kemalangan atau Penyakit terhadap pekerja anda yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan yang timbul daripada dan semasa menjalankan kerjanya.
- Jaminan Kesetiaan - melindungi kerugian wang secara langsung atau barang kepunyaan anda disebabkan oleh tindakan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh pekerja anda.
- Kemalangan Diri Kumpulan - membayar ganti rugi seperti dalam Jadual Manfaat sekiranya pekerja anda mengalami Kecederaan Badan Akibat Kemalangan yang menyebabkan sama ada Kematian dan/atau Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans Anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan kami, seksyen yang diperlukan dan jumlah yang diinsuranskan/had yang diperlukan di bawah setiap seksyen.

Seksyen Kebakaran

Perlindungan standard: RM _____ premium untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM _____

Perlindungan tambahan (Peril): RM _____

Premium Anggaran: RM _____

Seksyen Pilihan Lain

Jumlah Diinsuranskan/Had: RM _____

Premium Anggaran: RM _____

Polisi ini tertakluk pada premium minimum RM 75.00.

4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

- Duti Setem - Bayaran sebanyak RM10
- Cukai (jika berkenaan) - 6% dari premium (termasuk di dalam premium)
- Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium) - maksimum 15% dari premium

5. Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

KEWAJIPAN ANDA KEPADA KAMI

1. Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna

- 1.1 Jika Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:
 - (a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang cadangan;
 - (b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini; dan
 - (c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

2. Kewajipan untuk bukan Polisi Insurans Pengguna

2.1 Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

(a) Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau

(b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

- Untuk Seksyen Kebakaran, Kerugian Turutan dan Semua Risiko, anda mesti memastikan bahawa harta anda atau kepentingan diinsuranskan dilindungi pada amaun yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian atau penambahbaikan yang dibuat pada harta anda. Anda boleh menginsuranskan harta anda berdasarkan pada Nilai Pasaran (tidak termasuk haus, lusuh & susut nilai) atau Nilai Pengembalian Semula (kos penuh pembaikan tanpa sebarang potongan dibuat untuk haus, lusuh & susut nilai). Jumlah yang diinsuranskan mesti dipantau dan disemak secara berkala untuk menggambarkan nilai penuh demi mengelakkan insurans berkurangan. Jika tidak, penyelesaian tuntutan akan dibuat pada Asas Purata.
- Untuk seksyen lain (Pecah Masuk, Wang, Kaca Plat, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan dan Jaminan Kesetiaan), perlindungan adalah berdasarkan had yang diperlukan.
- Lebihan adalah jumlah yang harus anda tanggung sebelum kami membayar ganti rugi kepada anda.
- Anda mesti memaklumkan kepada perantara insurans anda atau kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting yang berlaku dalam tempoh polisi supaya pindaan yang perlu dapat diendorskan pada polisi anda.
- Premium perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi / pengendorsan / pembaharuan. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak menerima premium pro rata untuk tempoh yang dilindungi.
- Sekiranya terdapat polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama atau sebahagian daripadanya, polisi ini hanya akan membayar sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut secara berkadar.
- Sekiranya terdapat tuntutan, anda perlu memaklumkan kepada kami dalam tempoh 14 hari dari tarikh kerugian atau kerosakan tersebut dan menyerahkan tuntutan tersebut secara bertulis dengan butiran dan bukti terperinci dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas insiden kerugian dan kerosakan tersebut.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan tertentu, seperti:

- Kerugian / kerosakan akibat risiko tenaga Radioaktif dan nuklear;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada dahagi, kekecohan awam dengan anggapan bentuk atau yang membawa kepada kebangkitan popular, kebangkitan tentera, pemberontakan, penentangan, revolusi, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada apa-apa tindakan Keganasan;
- Penyitaan dan pemusnahan di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam.

Nota: Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkan saya membatalkan Polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan secara bertulis kepada pengantara insurans atau Kami. Setelah pembatalan dibuat, Anda mungkin berhak mendapat pengembalian premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk tempoh insurans yang belum tamat tertakluk pada premium minimum yang akan dikekalkan oleh Kami dan tertakluk pada tuntutan yang telah dibuat.

8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam butir hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus anda boleh menghubungi pengantara insurans anda atau cawangan kami atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur.
O +6 03 2058 3000 F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

Polisi insurans individu kelas

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIKENAKAN ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Bagi setiap tujuan dan maksud sekiranya terdapat konik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang:

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 27/04/2020.

Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat- syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

Chubb Insurance Malaysia Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.